

Buku terbitan USIM terima royalti tinggi

Oleh **AINOL AMRIZ ISMAIL**

utusanN9@utusan.com.my

■ SEREMBAN 19 MEI

BUKU ilmiah yang ditulis pensyarah Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) bagi terbitan 2013 dan tahun lalu berjaya mengutip hasil royalti sebanyak RM89,683.52.

Naib Canselor USIM, Prof. Datuk Dr. Musa Ahmad berkata, kutipan royalti tertinggi dikutip itu merupakan satu pengiktirafan kepada kualiti buku-buku dihasilkan USIM mencakupi pelbagai bidang ilmu.

"Uniknya pensyarah USIM mampu menulis dalam tiga bahasa utama iaitu Bahasa Arab, Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu.

"Malah kita pernah menerbitkan buku dalam bahasa Luganda dan Jepun yang bagi saya amat selari dengan hasrat kita untuk menubuhkan pusat budaya Jepun nanti," katanya di Nilai dekat sini hari ini.

Tambah Musa, penerbitan buku adalah satu kaedah memasyarakatkan ilmu kepada dunia luar supaya ia tidak tercerna dalam diri sendiri.

"Keilmuan dan masyarakat Islam tidak pernah terpisah," katanya.

Agihan royalti dalam bentuk wang tunai kepada karyawan telah disampaikan semasa Majlis Kalam Bitara 2015 anjuran Bahagian Penerbitan USIM di Nilai Springs Resort Hotel dengan 200 penulis buku yang telah menghasilkan sebanyak 240 buah judul buku diraikan bersama.

Kejayaan kutipan royalti ini banyak dibantu melalui kerjasama strategik Bahagian Penerbitan USIM dengan penerbit luar negara seperti Penerbit Tokoshuku University dan Malaysia Japanese Association di Jepun serta Al-Manhal di Jordan.

Pada peringkat tempatan, kepercayaan yang diberikan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Institut Terjemahan dan Buku Malaysia (ITBM) dan Kota Buku memberi cerminan terhadap kemampuan pensyarah USIM menghasilkan buku bermutu.

Penerbit USIM yang bergerak aktif di bawah Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM) menyertai hampir 24 pameran setiap tahun termasuk pameran bertaraf antarabangsa seperti Frankfurt Book Fair, Tokyo Book Fair dan Pesta Buku Brunei.

Universiti turut menyampaikan insentif kepada ahli akademik yang menghasilkan penulisan jurnal berindeks seperti SCOPUS, ISI dan ERA.

Seramai 87 ahli akademik menerima insentif keseluruhan berjumlah RM69,400 untuk jurnal terbitan 2014.

Dalam majlis sama, pensyarah Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Prof. Madya Datin Dr. Sapora Sipon menerima Anugerah Royalti Tertinggi dan Anugerah Buku Terlaris (Bahasa Melayu) bagi buku *Teori Kaunseling dan Psikoterapi* sementara Dr. Muhammad Rodhwan Ab. Aziz dipilih penerima Anugerah Buku Terlaris (Bahasa Inggeris) dan Dr. Azman Ab. Rahman menerima Anugerah Penulis Aktif.



MUSA AHMAD